

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

TARIKH : 15 JULAI 2020 (RABU)

SOALAN

DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kenapa peruntukan untuk Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi menurun daripada RM1.577 bilion pada tahun 2015 kepada hanya RM506.46 juta untuk tahun 2019 dan RM670.12 juta untuk tahun 2020 hinggakan Kementerian tidak dapat lagi memberikan geran tanam semula kelapa sawit dan terpaksa menaikkan cukai ses minyak sawit daripada RM13.00 satu tan metrik ke RM14.00 satu metrik tan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) menerima peruntukan sebanyak RM1.66 bilion pada tahun 2015 termasuk peruntukan Skim Penstabilan Harga Minyak Masak (*Cooking Oil Stabilisation Scheme* - COSS) sebanyak RM950 juta. Pada 21 September 2016, Jemaah Menteri telah memutuskan pelaksanaan COSS dipindahkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) berkuatkuasa mulai 1 November 2016.

2. Manakala keputusan kenaikan kadar ses minyak sawit mentah daripada RM13.00 setiap tan metrik kepada RM14.00 setiap tan metrik yang diluluskan Kementerian Kewangan berkuatkuasa pada 1 Januari 2020 dibuat susulan Perintah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Ses) 2019 yang diperuntukkan di bawah Akta Lembaga Minyak Sawit Malaysia 1998 (Akta 582). Perintah baharu ini dikeluarkan atas kuasa YB Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi setelah berunding dengan Menteri Kewangan pada ketika itu sebagaimana kuasa yang diperuntukkan di bawah seksyen 35 akta tersebut.

3. Geran tanam semula kepala sawit sebanyak RM30 juta pada tahun 2017 telah diperuntukkan Kerajaan secara “*one-off*” sempena sambutan Ulang Tahun Industri Minyak Sawit Negara pada ketika itu. Insentif seumpamanya turut diluluskan sebagai projek pembangunan di bawah Skim Rangsangan Tanam Baru (RTB) Sawit Pekebun Kecil Persendirian dalam bentuk geran dan Skim Rangsangan Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil (RTS) (secara pinjaman) yang masih dikekalkan bagi meringankan beban kewangan di kalangan pekebun kecil semasa peringkat awal penanaman sawit. Kerajaan terus komited dalam menyokong peluasan penanaman semula sawit dengan pengumuman Skim Pembiayaan Mudah Tanam Semula Pekebun Kecil Sawit (TSPKS) dan Skim Pinjaman Mudah Input Pertanian Pekebun Kecil Sawit (IPPKS).

Sekian, terima kasih.